



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan.

Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk anda kongsi pendapat dengan kami dari semasa ke semasa.

10.02.2023

❖ Dana Dagangan Bursa, satu lagi kelas pelaburan untuk pelabur

Dana Dagangan Bursa atau lebih dikenali sebagai *Exchange Traded Fund* (ETF) ialah satu kelas pelaburan yang kian mendapat tempat dalam kalangan pelabur runcit dan institusi berikutan nisbah perbelanjaannya yang rendah, mempunyai pelbagai pilihan pelaburan, kepelbagaian dan ambang pelaburan yang rendah.

ETF adalah serupa dengan dana unit amanah kecuali ia didagangkan di bursa saham, manakala unit amanah tidak didagangkan di bursa kecuali untuk sesetengah dana tertutup.

Pada masa ini, terdapat 19 ETF disenaraikan di Bursa Malaysia. Pecahannya adalah seperti berikut: ETF Komoditi (1), ETF Ekuiti (6), ETF Ekuiti (Patuh Syariah) (5), ETF Pendapatan Tetap (1) dan ETF Berleveraj dan Songsang (6).

ETF semakin popular dalam kalangan pelabur atas sebab-sebab berikut:

(a) Keberkesanan kos

Sama seperti perdagangan saham, belian dan jualan ETF juga dikenakan yuran pembrokeran, yuran penjelasan dan duti setem. Walau bagaimanapun, ia dikenakan yuran pengurusan yang jauh lebih rendah, biasanya kurang 1% daripada nilai aset bersih (*net asset value*, NAV) dana berbanding unit amanah. Ia juga dikenakan caj jualan sebanyak 2% (secara purata pada tahun 2020). Oleh itu, ETF lebih ekonomi untuk dibeli dan dikekalkan dalam jangka masa panjang.

(b) Pendedahan kepada kepelbagaian

ETF memegang sekumpulan sekuriti dengan objektif untuk meniru prestasi sesuatu indeks. Kumpulan itu boleh terdiri daripada saham, bon, niaga hadapan atau komoditi, bergantung pada indeks yang diasaskan ETF.

Kumpulan kelas aset itu menawarkan kepelbagaian yang luas dan mengelakkan risiko yang timbul apabila seseorang pelabur memiliki saham beberapa buah syarikat.

(c) Fleksibiliti dan kecairan

Memandangkan ETF disenaraikan dan disebut harga di bursa saham, pembelian dan penjualan ETF boleh dilakukan semasa waktu dagangan seperti saham. Oleh itu, pelabur boleh masuk dan keluar pasaran dengan segera.

(d) Ketelusan

Pelabur boleh mengakses dengan mudah butiran aset asas ETF kerana maklumat tersebut tersedia di laman sesawang ETF atau bursa saham.

Namun begitu, pelabur perlu mengambil perhatian dan mempertimbangkan beberapa faktor sebelum melabur dalam ETF.

(a) Perbelanjaan operasi

Kos yang ditanggung oleh pengurus dana untuk mengurus ETF ditunjukkan dalam nisbah perbelanjaan dana, yang mengukur peratus daripada pelaburan pelabur yang akan dibayar kepada dana itu setiap tahun.

Nisbah perbelanjaan operasi yang lebih tinggi mengurangkan jumlah pulangan pelabur.

(b) Jumlah ETF yang didagangkan

Jumlah dagangan ETF yang tinggi menjadikan ETF lebih cair dan menyempitkan spread bida-tawar. Kecairan ETF membolehkan pelabur keluar dengan mudah. Jumlah dagangan yang rendah mengurangkan kecairan ETF.

(c) Ralat pengesanan

Prestasi ETF mungkin menyimpang daripada prestasi indeks dan mengakibatkan ralat pengesanan. Ini bermakna ETF boleh menelan kos yang lebih tinggi daripada aset asas dan pelabur mungkin perlu membayar premium apabila membeli ETF tersebut.

(d) Direka untuk mengesan, bukan menewaskan

ETF direka bentuk untuk mengesan indeks, sektor, komoditi atau aset lain dan selalunya tidak akan mengatasi prestasi aset asas dalam indeks. Pelabur yang ingin menewaskan pasaran perlu mempertimbangkan pilihan pelaburan yang lain.

(e) Kepakaran dan pengalaman promoter ETF

Kepakaran promoter untuk memilih dan mengurus aset asas juga merupakan faktor penting yang perlu dipertimbangkan.

Secara ringkas, ETF memudahkan pelaburan untuk pelabur baharu dan pelabur berpengalaman yang memerlukan bantuan untuk memilih sekuriti individu atau yang tidak mempunyai masa untuk memantau atau memilih sekuriti individu. Melabur dalam ETF dapat mempelbagaikan pendedahan mereka kepada kelas aset yang berbeza.

ETF menawarkan pelabur cara yang cekap untuk mempelbagaikan portfolio mereka tanpa perlu memilih saham atau bon secara individu. Walau bagaimanapun, pelabur juga perlu memahami risiko yang berkaitan sebelum melabur dalam ETF. Satu-satunya risiko terbesar ialah risiko pasaran, sama seperti pelaburan dalam saham. Prestasi ETF secara amnya dipengaruhi secara langsung oleh prestasi saham dan bon dalam komponennya. Pelabur masih perlu membuat kajian sebelum melabur dalam ETF.

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 13 hingga 17 Februari 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
10.02.23 (Isnin) 10.30 pagi	AHB Holdings Berhad (EGM)	AHB telah mencadangkan untuk mengambil alih empat bidang tanah di Mukim Petaling, Kuala Lumpur daripada Awan Jingga Sdn Bhd dengan harga RM9.2 juta, yang merangkumi gabungan tunai dan terbitan saham baharu. Syarikat itu juga mencadangkan untuk mempelbagaikan aktiviti kepada pembangunan hartanah serta menerbitkan sehingga 600 juta saham keutamaan boleh tukar boleh tebus kumulatif (<i>redeemable convertible preference shares, RCPS</i>) 2% dalam AHB pada harga terbitan RM0.10 bagi setiap RCPS.
15.02.23 (Rabu) 03.00 petang	Time dotCom Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan perkongsian strategik untuk perniagaan pusat data AIMS melalui penjualan sebahagian daripada saham dalam AIMS Data Centre Holding Sdn Bhd dan AIMSData Centre (Thailand) Limited kepada DB Arrow Pte. Limited, sebuah syarikat portfolio yang diuruskan oleh DigitalBridge Group, Inc.
16.02.23 (Khamis) 10.00 pagi	Sasbadi Holdings Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan untung sebelum cukai berjumlah RM1.97 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding rugi sebelum cukai sebanyak RM10.46 juta pada tahun kewangan 2021, mewakili peningkatan sebanyak RM12.43 juta. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi selain peruntukan

		penurunan nilai inventori yang lebih rendah.
17.02.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Revenue Group Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan membincangkan resolusi penyingkiran Ng bersaudara iaitu Ng Shih Chiow dan Ng Shih Fang, sebagai pengarah Syarikat. Shih Chiow dan Shih Fang ialah ketua pegawai operasi kumpulan dan ketua pegawai teknologi Revenue.
17.02.23 (Jumaat) 4.00 petang	Revenue Group Berhad (EGM)	Di tengah-tengah kemelut yang melibatkan lembaga pengarah Syarikat, EGM ini bertujuan mendapatkan lampu hijau daripada pemegang saham untuk 16 resolusi, yang terdiri daripada penyingkiran dan pelantikan pengarah, pembatalan pelaksanaan pembelian balik saham serta pembatalan kuasa pengarah untuk menerbitkan saham menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016.

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Time dotCom Berhad (EGM)	AIMS berhasrat untuk mengembangkan perniagaan pusat data secara agresif dalam pasaran baharu dan sedia ada di rantau ASEAN dan di luar sempadannya. Pada 31 Disember 2021, tunai dan tunai setara bagi anak syarikat terasnya iaitu AIMS Data Center Sdn Bhd berjumlah RM15.062 juta dan di sisi lain kunci kira-kira, pinjaman dan pembiayaan berjumlah RM96.513 juta. Bagaimanakah AIMS berhasrat untuk membiayai pengembangan perniagaannya yang agresif itu?
Sasbadi Holdings Berhad (AGM)	Dalam ruang penerbitan buku teks, Kumpulan telah memperoleh dua (2) Surat Setuju Terima (Pakej 3 – Semenanjung Malaysia dan Pakej 5 – Semenanjung Malaysia) daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 11 Oktober 2022 untuk membekalkan buku teks yang dicetak semula kepada sekolah-sekolah di bawah KPM bagi tempoh 2022 hingga 2024 dengan jumlah keseluruhan kontrak bernilai RM14.363 juta (Halaman 13, Laporan Tahunan 2022). Selain daripada dua Surat Setuju Terima yang berjaya diperoleh, apakah kontrak tertunggak lain untuk penerbitan buku teks yang dimiliki oleh Kumpulan? Berapakah nilai dan tempoh kontrak tersebut?

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.